

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI (IGAN)

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah masalah keciciran murid sekolah di Sarawak sejak lima tahun lepas dan apakah sebab berlakunya masalah berkenaan serta apakah tindakan-tindakan yang telah diambil termasuk kawasan Parlimen Igan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada definisi keciciran sebagai murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan.

Berdasarkan statistik KPM kadar keciciran murid peringkat rendah di Sarawak menurun daripada 0.34 peratus pada tahun 2016 kepada 0.25 peratus pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, kadar keciciran peringkat sekolah menengah telah meningkat daripada 2.23 peratus pada tahun 2016 kepada 3.38 peratus pada tahun 2020 (data seperti pada 30 Jun pada setiap tahun). Khusus untuk Parlimen Igan, kadar keciciran murid sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan semakin menurun daripada 13.68 peratus pada tahun 2016 kepada 0.52 peratus pada tahun 2021. Manakala di peringkat sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan tiada keciciran pada tahun 2016 hingga 2019 dan 2021. Data menunjukkan terdapat

keciciran sebanyak 0.48 peratus pada tahun 2020 sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada tinjauan yang telah dilaksanakan oleh KPM, antara punca keciciran murid adalah kerana kurang minat untuk belajar, kemiskinan, masalah disiplin, perceraian ibu bapa, kurang kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak, gejala sosial dan bekerja untuk membantu keluarga.

Berdasarkan faktor yang menjadi punca keciciran murid, KPM telah menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). Objektif GPMBC ini adalah untuk membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. GPMBC ini juga bertujuan untuk memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dilaksanakan oleh pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan agar murid kekal bersekolah sehingga tamat tingkatan 5.

KPM turut menyediakan modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI dan SUDI 2.0) sebagai panduan untuk melaksanakan intervensi dalam menangani keciciran murid. Melalui modul ini, aktiviti sokongan yang sistematik dapat dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan murid kekal bersekolah sehingga tamat persekolahan.

KPM juga mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak, agensi dan komuniti setempat bagi membantu murid yang tercicir meneruskan persekolahan sehingga tamat Tingkatan 5. KPM telah menyediakan *Dashboard* Murid Berisiko Cicir KPM sebagai langkah pencegahan murid agar tidak tercicir daripada sistem pendidikan. *Dashboard* ini juga boleh memantau murid yang berisiko cicir di seluruh negara termasuk sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di Parlimen Igan.